



Headline: Polis berkas ketua sindiket Macau Scam
Publication/Portal: Kosmo
Date: 2 December 2020

Language: Malay
Section: Negara
Page: 3

Alvin Goh, Addy Kanna dihantar ke penjara

Polis berkas ketua sindiket Macau Scam

Oleh MALINDA ABDUL MALIK

KUALA LUMPUR – Polis menahan seorang lelaki warga China dipercayai dalang utama sindiket perjudian online dan Macau Scam yang dikaitkan dengan Alvin Goh dan Addy Kanna.

Tangkapan ke atas suspek dikenali sebagai Chen Dewei itu dilakukan di Mount Kiara di sini dalam satu operasi khas sejak 15 Oktober lalu selepas 29 bulan bersembunyi di negara ini.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Huzir Mohamed berkata, lelaki berusia 31 tahun itu merupakan antara 130 individu yang diberkas berhubung kes judi online dan penipuan Macau di sekitar Lembah Klang.

“Suspek merupakan ketua sindiket yang berperanan sebagai penghubung antara anggota sindiket di Malaysia dan China,” kata beliau pada sidang akhbar di Bukit Aman di sini semalam.

Difahamkan, suspek memiliki pasport pelbagai negara bagi mengaburi mata pihak berkuasa, namun kedutaan China mengesahkan lelaki itu merupakan rakyat negara tersebut.

Lelaki itu memasuki negara ini pada Jun 2018 dan dipercayai aktif menjalankan kegiatan judi online di negara ini sepanjang tempoh tersebut.

Huzir memberitahu, lelaki warga asing itu turut berada dalam senarai individu yang dikehendaki pihak berkuasa China atas kesalahan Macau Scam.

Menurut Huzir, Chen Dewei kini disiasat di bawah Seksyen 4(2)(a) Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA) bersama enam tangkapan lain.


Mereka terdiri daripada lima



Dalang utama Macau Scam dicekup di Mount Kiara

POLIS menahan seorang lelaki warga China yang menjadi individu penting kepada sindiket judi online dan Macau Scam membabitkan Alvin Goh dan Addy Kanna dalam operasi khas di Mount Kiara, Kuala Lumpur bermula 15 hingga 20 Oktober lalu.

► BERITA DI MUKA 3



DEWEI dipercayai memiliki pasport pelbagai negara termasuk Vanuatu.



ALVIN GOH

warga China dan seorang lelaki rakyat tempatan.

“Mereka akan dihadapkan ke Lembaga Pencegahan Jenayah pada 8 Januari ini selepas tempoh tahanan reman selama 38 hari tamat,” katanya.

Tambah Huzir, daripada 130 tangkapan itu, seramai 87 daripada mereka direman di bawah POCA.

“Seramai 19 individu lagi masih disiasat di bawah akta sama, manakala bakinya telah dibebaskan dengan jaminan,”



Suspek merupakan ketua sindiket yang berperanan sebagai penghubung antara anggota sindiket di Malaysia dan China.”

kata beliau.

Dalam pada itu, Alvin Goh atau Goh Leong Yeong, Addy Kanna serta dua lagi anggota polis ditahan di bawah POCA selama dua tahun.

Alvin dan seorang anggota polis ditempatkan di Penjara Simpang Renggam, Johor manakala Addy Kanna pula dihantar ke Penjara Pokok Sena, Kedah.

Seorang lagi anggota polis dari Kontinjen Selangor ditahan di Penjara Bentong, Pahang.

Hukuman tersebut telah diputuskan oleh Lembaga Pencegahan Jenayah, Kementerian Dalam Negeri pada Jumaat lalu.